

## LAMPIRAN 1

### Senarai semak permohonan kebenaran merancang bagi sistem OSC 3.0 PLUS

NO.	DOKUMEN (Memuatnaik dokumen-dokumen tersebut dalam format PDF ke sistem atas talian OSC 3.0 Plus PBT berkenaan)	CATATAN
1.	Surat permohonan rasmi kepada MCMC	Disediakan oleh PSP yang berdaftar dengan OSC (Perancang / Arkitek)
2.	<b>Pelan Kebenaran Merancang (Cadangan Infrastruktur Komunikasi)</b> yang telah disahkan Perunding Profesional yang mengandungi:- <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan Kunci;</li> <li>• Pelan Lokasi (skala bersesuaian) berserta koordinat unjuran WGS 84;</li> <li>• Pelan susunatur dengan menunjukkan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ kedudukan lurang terakhir (dalam kawasan pembangunan);</li> <li>◦ Lokasi cadangan infrastruktur komunikasi luaran termasuk kabinet, lurang, kotak agihan (<i>distribution point – DP</i>), laluan sesalur, bilik telekomunikasi (jika diperlukan) dan lain-lain struktur binaan atas tanah berkaitan komunikasi;</li> <li>◦ ukuran saiz struktur-struktur yang ditunjukkan dalam pelan;</li> <li>◦ ketinggian pembangunan dalam unit meter.</li> </ul> </li> </ul>	Disediakan dan disahkan oleh PSP yang berdaftar dengan pihak OSC (Perancang/Arkitek)
3.	Pengesahan penerimaan pemakluman ‘kajian gelombang mikro’ daripada <b>NFP dan Agensi</b> bagi pembangunan <b>melebihi 15 meter</b> .	Disediakan dan disahkan oleh PSP yang berdaftar dengan pihak OSC (Perancang/Arkitek) <p>Pemakluman ini adalah bagi tujuan memaklumkan kepada NFP akan risiko terdapat halangan gelombang mikro sedia ada disebabkan oleh pembangunan yang akan dilaksanakan.</p> <p>Sekiranya terdapat halangan gelombang mikro, pemohon hendaklah menyelesaikan secara perundingan dengan NFP dan Agensi berkenaan.</p>

**Nota:**

- ii. Memuatnaik “Surat Perakuan Orang Yang Mengemukakan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia” semasa permohonan **PELAN BANGUNAN**.
- iii. Menyediakan Pelan Utiliti Terperinci (Disahkan oleh perunding Profesional dan Jurutera Bertauliah M&E) untuk serahan dan semakan oleh NFP yang dilantik.

**LAMPIRAN 2****Permohonan yang tidak perlu dirujuk kepada MCMC**

No.	Permohonan yang tidak perlu dirujuk kepada MCMC
1.	Rumah burung Walit
2.	Pembinaan gudang terbuka
3.	Pengubahsuaian bangunan sedia ada
4.	KM bagi bangunan sementara yang tidak memerlukan kemudahan komunikasi (cth: rumah pekerja/ galeri jualan/ pameran/ bangsal/ bangunan sesebuah sementara)
5.	Infrastruktur jalan raya (cth: jejantas dll)
6.	Lain-lain infrastruktur yang tidak berkaitan (cth: paip gas, paip air, kerja-kerja korekan jalan dll)
7.	Permohonan berkaitan hal-hal tanah